



**KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

JERAYAWARA PROFESION PERAKAUNAN

1. Kementerian Kewangan (KKW) dengan kerjasama *Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants* (BICPA) telah mengadakan Jerayawara Profesion Perakaunan pada hari Rabu, 8 Julai 2026 bertempat di *Lecture Theatre Trustworthy*, Pusat Tingkatan Enam Tutong.
2. Jerayawara ini disasarkan kepada para pelajar di institusi berkenaan, dengan tujuan untuk memberi pendedahan awal mengenai profesion perakaunan serta mendorong dan memberi inspirasi kepada pelajar untuk mula merancang laluan akademik mereka menjurus kepada kerjaya dalam bidang perakaunan setelah tamat pengajian.
3. Di dalam ucapan alu-aluan Yang Mulia Dayangku Masleda binti Pengiran Daud, Pemangku Pengarah di Bahagian Hasil, KKW, menekankan kepentingan untuk melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang perakaunan seperti juruaudit dan juga akauntan yang berkelayakan bagi memenuhi permintaan perkhidmatan mereka yang semakin meningkat. Beliau menyatakan bahawa mempunyai kapasiti audit yang mencukupi akan memastikan pengauditan, pematuhan dan juga pengawasan cukai yang berkesan. Beliau turut menjelaskan bahawa dengan menjalankan tugas mereka dengan tekun dan beretika, akauntan dapat memastikan rekod kewangan yang jelas dan jujur untuk membantu individu dan perniagaan dalam membuat pilihan yang baik dan merancang untuk masa depan serta seterusnya berharap akan ada lebih ramai Akauntan Bertauliah di masa akan datang bagi menyokong ekonomi dan membantu negara mencapai Wawasan 2035.
4. Program ini menampilkan sesi perkongsian oleh Yang Mulia Dayang Adeline Lau Pik Wen, Pengarah BICPA *Academy*, mengenai pengalaman dan perjalanan profesional beliau dalam bidang perakaunan, kepentingan memperolehi kelayakan profesional yang diperakui seperti *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) dan laluan untuk mendapat kelayakan berkenaan serta peluang kerjaya yang pelbagai dalam perakaunan, seperti juruaudit, penasihat cukai, penganalisa kewangan dan pakar runding.
5. Di samping itu, para pelajar dan pensyarah turut menyertai aktiviti interaktif yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang bidang perakaunan setelah selesai sesi soal jawab yang memberi peluang ruang interaksi dan penjelasan lanjut mengenai topik yang dibincangkan.
6. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan KKW dan BICPA untuk mempromosi profesion perakaunan serta menyokong pembangunan bakat masa depan dalam sektor kewangan dan perkhidmatan perakaunan profesional di Negara Brunei Darussalam.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Bahagian Hasil
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Emel: revenue@mof.gov.bn

Rujukan: H/KORP/27
Tarikh: 22 Muharram 1448/ 8 Julai 2026



**MINISTRY OF FINANCE
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

ROADSHOW ON ACCOUNTING PROFESSION

1. The Ministry of Finance (MOF) in collaboration with the Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) held a Roadshow on Accounting Profession on Wednesday, 8th July 2026 at the Lecture Theatre Thrustworthy, Tutong Sixth Form Centre.
2. This roadshow was targeted at students of the institution, with the aim of providing early exposure to the accounting profession as well as encouraging and inspiring students to begin planning their academic path towards a career in the accounting field after graduation.
3. The welcoming remark was delivered by Dayangku Masleda binti Pengiran Daud, Acting Director at the Revenue Division, MOF. She emphasized the importance of producing more professionals in the accounting field such as qualified auditors and accountants to meet the increasing demand for their services. She stated that having adequate audit capacity would ensure more effective auditing, compliance and tax oversight. She also explained that by doing their work diligently and ethically, accountants can ensure clear and honest financial records to assist individuals and businesses in making good choices and planning for the future and further hoped that there will be more Chartered Accountants in the future to support the economy and help the country to achieve Brunei Darussalam's Wawasan 2035.
4. This program features a sharing session by Adeline Lau Pik Wen, Director of BICPA Academy, on her experience and professional journey in the field of accounting, the importance of obtaining a certified professional qualification such as the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) and the path to obtaining the qualification and diverse career opportunities in accounting, such as auditors, tax advisors, financial analyst and consultants.
5. In addition to the sharing session, students and tutors took part in interactive activities designed to improve their understanding of the accounting field after the question and answer session which provided opportunities for engagement and further clarification on the topics discussed, amongst others.
6. This initiative is part of the ongoing efforts by MOF and BICPA to promote the accounting profession and support the development of future talent in the financial sector and professional accounting services in Brunei Darussalam.

-END-

Prepared by:
Revenue Division
Ministry of Finance
Brunei Darussalam
Email: revenue@mof.gov.bn

Reference: H/KORP/27
Date: 22 Muharram 1448/ 8th July 2026